

Corak Penggunaan Percampuran Kod dalam Kalangan Pelajar Malaysia di China

Muhammad Zaid Muhammad Shafie*, and Zaliza Mohamad Nasir

Akademi Bahasa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
UTM Johor Bahru, Skudai, Johor, Malaysia

*Corresponding author: m.zaid@utm.my

Received: 22nd July 2022; Revised: 22nd September 2022; Accepted: 1st Dec 2022

ABSTRAK

Bahasa adalah alat yang sangat penting bagi manusia untuk berkomunikasi antara satu sama lain. Ia juga merupakan alat untuk menyampaikan mesej dari seorang individu ke individu lain. Di dunia moden, cara manusia berkomunikasi menjadi lebih mudah dan pantas dengan penemuan teknologi. Salah satu medium komunikasi yang popular di kalangan pengguna adalah aplikasi WhatsApp. Bahasa yang digunakan dalam aplikasi WhatsApp juga bergantung kepada pengguna bahasa. Namun begitu, di dapati penggunaan bahasa rojak, iaitu percampuran kod bahasa Melayu dan bahasa lain dalam aplikasi WhatsApp adalah amat ketara digunakan oleh pengguna di Malaysia. Sehubungan itu, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat bentuk dan corak penggunaan percampuran kod antara bahasa Melayu dan Mandarin dalam platform media sosial WhatsApp serta faktor yang mendorong kepada penggunaan percampuran kod tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Data dikumpul daripada sebuah kumpulan perbualan di aplikasi WhatsApp yang terdiri daripada 18 orang alumni pelajar jurusan bahasa Mandarin dan merupakan rakan sekelas selama lima tahun dari Beijing Foreign Studies University, China. Data diambil dari sejarah perbualan mereka dalam jangka masa dua tahun empat bulan iaitu daripada 6 Mac 2015 sehingga 6 Julai 2017. Dapatan kajian mendapati bentuk percampuran kod penyisipan adalah bentuk yang paling banyak digunakan diikuti dengan bentuk penggantian. Manakala bentuk percampuran kod yang sedikit adalah bentuk leksikal kongruen. Seterusnya faktor yang menyebabkan penggunaan percampuran kod ini adalah ketiadaan istilah atau terjemahan yang tepat, mudah menyampaikan maksud pesanan, dapat berlatih serta meningkatkan penguasaan bahasa Mandarin, faktor peskitaran, tanda penegasan dan mengelak daripada berlakunya salah faham. Secara keseluruhannya, penggunaan percampuran kod ini dapat membantu pelajar supaya menjadi biasa dengan penggunaannya, seterusnya meningkatkan tahap pemahaman mereka.

Kata Kunci: Whatsapp, penggunaan Bahasa, media sosial, percampuran kod

1. LATAR BELAKANG KAJIAN

Bahasa adalah sebuah alat yang sangat penting untuk manusia berkomunikasi antara satu dan yang lain. Ia juga melambangkan kebanggaan sesebuah negara serta mencerminkan jati diri seseorang. Di Malaysia, bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan adalah bahasa Melayu namun bahasa lain juga mempunyai kepentingannya yang tersendiri dalam kalangan masyarakat Malaysia. Sebagai contoh, bahasa Inggeris merupakan bahasa kedua di Malaysia yang sudah digunakan secara meluas dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, perubatan, sains dan teknologi dan industri. Selain daripada bahasa Inggeris, bahasa asing turut dipelajari dan digunakan dalam kalangan masyarakat Malaysia, misalnya bahasa Mandarin. Bahasa Mandarin sebagai bahasa ketiga atau bahasa asing kini sudah mendapat perhatian dalam kalangan

masyarakat Malaysia disebabkan nilai ekonominya (Hafner, Jaret, Liptak, & Rai, 2006). Kini, kebanyakan IPTA di Malaysia menawarkan pembelajaran bahasa Mandarin sebagai salah satu subjek elektif. Subjek ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dan kebanyakannya mengambil matapelajaran ini supaya dapat memenuhi jam kredit dan mencapai keputusan yang baik (Lau, 2011). Matlamat utamanya adalah untuk mewujudkan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia melalui cara yang efektif.

Pada masa ini, pembelajaran bahasa bukan hanya menggunakan kaedah konvensional sahaja. Terdapat pembaharuan dalam sistem pengajaran dan pembelajaran bahasa yang digunakan oleh tenaga pengajar. Salah satu alat media sosial yang sering digunakan adalah telefon pintar. Penggunaan telefon pintar ini semakin meluas kerana ia memudahkan manusia berhubung antara satu sama yang lain. Selain itu ia mempunyai pelbagai fungsi yang lain seperti bersosial dan mencari maklumat. Smith & Kollock (1999) menerangkan platform media sosial seperti WhatsApp, Twitter, Instagram, Facebook, Snapchat, WeChat, Tik Tok dan LinkedIn digunakan untuk membincangkan pelbagai topik yang luas, berhibur bersama yang lain dan bermain permainan video.

WhatsApp merupakan salah satu aplikasi pesanan yang paling banyak digunakan di Malaysia. Kemampuan aplikasi ini yang boleh menyebarkan maklumat dengan pantas dan efisien, serta mempunyai tetapan yang mudah, menjadikan ia sebagai sebuah aplikasi yang paling digemari kini oleh rakyat di Malaysia tidak kira peringkat umur. Terdapat pelbagai fungsi aplikasi WhatsApp. Antaranya ialah penubuhan atau pembentukan kumpulan yang terdiri daripada dua orang atau lebih. Di Malaysia, kebanyakkan pelajar sama ada di universiti awam mahupun swasta menyertai kumpulan WhatsApp atas tujuan pembelajaran. Kemampuan untuk mendapatkan maklumat yang terkini secara pantas dan efisien menjadikan aplikasi ini sebagai pilihan utama kebanyakan pelajar. Begitu juga pelajar-pelajar Malaysia yang sedang menyambung pelajaran di luar negara, terutamanya di China. Walaupun aplikasi WhatsApp tidak begitu popular di China, namun kebanyakkan pelajar Malaysia di sana memilih WhatsApp sebagai medium komunikasi antara mereka. Perbincangan dan perbualan yang berlaku di aplikasi WhatsApp ini termasuklah untuk tujuan urusan seharian, pembelajaran, menyebarkan maklumat mengenai hal ehwal pelajar Malaysia dan bersosial.

Oleh yang demikian, didapati beratus-ratus pesanan ringkas telah di kongsi dalam aplikasi WhatsApp ini dalam kalangan pelajar Malaysia di China. Perbualan yang terdapat khususnya dalam kumpulan-kumpulan tertumpu kebanyakannya menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan. Namun begitu, kesan daripada mempunyai latar belakang bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua dalam kalangan mereka, telah membawa kepada kewujudan masalah pencampuran kod dalam perbualan mereka. Percampuran kod berlaku apabila satu istilah dari bahasa lain dimasukkan dalam ayat atau klausa yang menggunakan bahasa yang lain. Tujuannya adalah untuk memberikan pemahaman kepada pendengar mengenai topik atau isu yang dibincangkan. Percampuran kod ini kerap berlaku dalam komunikasi seharian terutamanya dalam kalangan individu yang menguasai lebih daripada satu bahasa. Dalam konteks ini, kebanyakan pelajar tersebut merupakan penutur dwibahasa yang mempunyai penguasaan bahasa Mandarin yang baik. Justeru, kecenderungan mereka untuk menggunakan percampuran kod bahasa Melayu dan Mandarin adalah sangat tinggi. Hal ini di sokong oleh Haugen (1953) yang menjelaskan fenomena pencampuran kod bahasa berlaku apabila peminjaman sesuatu perkataan bahasa lain dalam sesuatu bahasa natif. Ia merupakan satu proses yang biasa digunakan dalam pembentukan perkataan baru bagi sesuatu bahasa iaitu mengambil perkataan dari bahasa lain dan diubah menjadi kepunyaan bahasa itu sendiri. Jelasnya lagi, keadaan peminjaman bahasa biasanya berlaku dalam kalangan penutur yang berupaya bertutur beberapa jenis bahasa.

Melihat kepada keadaan ini, terdapat banyak kata pinjaman yang berasal daripada bahasa Mandarin digunakan dalam pertuturan harian dalam kalangan pelajar Malaysia di Beijing. Penggunaan kata pinjaman bahasa Mandarin sudah menjadi suatu kebiasaan apabila mereka berkomunikasi sesama mereka. Hal ini kerana terdapat beberapa faktor yang mendorong kepada berlakunya pencampuran bahasa, antaranya tiada terjemahan yang tepat, khususnya yang melibatkan kosa kata nama khas, tempat, gelaran dan matapelajaran universiti (Hafizan, 2017). Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi melihat corak penggunaan percampuran kod antara bahasa Melayu dan Mandarin dalam platform media sosial WhatsApp. Setelah mengenal pasti corak percampuran kod tersebut, kajian ini akan membincangkan faktor-faktor yang mendorong kepada penggunaan percampuran kod itu.

2. PERNYATAAN MASALAH

Masalah percampuran kod bahasa tidak boleh dianggap remeh, kerana ia berpotensi untuk mengubah dan mempengaruhi tatabahasa sesuatu bahasa. Walaupun sebilangan pakar menyatakan bahawa penggunaan percampuran kod, terutama di media sosial, adalah satu bentuk revolusi dalam berkomunikasi, namun perubahan yang ketara tentunya akan mempengaruhi tatabahasa yang telah dibentuk. Tambahnya lagi, sekiranya percampuran hanya terhad pada bahasa lisan dan digunakan untuk tujuan bersosial atau bergaul, ia bukanlah menjadi satu masalah yang besar, tetapi apabila kod campuran mulai menyerap ke dalam bahasa formal, terutamanya dalam bentuk penulisan, ia akan menjadi satu ancaman terhadap sesuatu bahasa.

Dalam kajian yang dilakukan oleh Husna Faredza, Khairul Azam, Anida dan Zulkifli (2020), didapati bahawa percampuran kod antara Bahasa Melayu Tinggi dan Berbudaya (BMTB) yang paling banyak berlaku adalah penggunaan kata bahasa Inggeris okay yang sewajarnya digantikan dengan penggunaan kata baik. Bukan itu sahaja, dalam kajian ini juga, penyelidik turut memperlihatkan bahawa berlakunya percampuran kod antara BMTB dengan bahasa basahan dalam kalangan guru pelatih seperti penggunaan kata singkatan seperti tau, tak, tak pa, bagitau, dah, nak, ni, je, tu, lepas tu dan tak de la. Fenomena percampuran kod antara BMTB dengan bahasa Inggeris serta percampuran kod antara BMTB dengan bahasa basahan akan menurunkan darjat bahasa Melayu yang sudah mencapai taraf yang tinggi. Jelasnya, campur aduk dua bahasa atau lebih mencerminkan pemikiran yang celaru dan bahasanya juga tidak bersistem atau tidak rapi. Selain itu, fenomena percampuran atau pertukaran kod ini berlaku bukan sahaja disebabkan oleh pengaruh dialek atau bahasa sukuan, malah didapati bahawa kekacauan atau gangguan bahasa juga berlaku ditambah dengan pengaruh slanga dan bahasa basahan. Slanga cepat tumbuh dan cepat pupus selari dengan peredaran masa. Sungguhpun begitu slanga tetap wujud, berleluasa dan memberi cabaran dalam usaha memartabatkan BMTB. Bahasa basahan pula yang selalu diucapkan dalam perbualan harian juga mempengaruhi penggunaan BMTB dalam konteks rasmi.

Sejak kebelakangan ini, terdapat banyak kajian telah dilakukan untuk melihat isu ini secara mendalam. Namun, hanya terdapat sedikit kajian yang melibatkan bahasa ketiga dalam isu percampuran kod di Malaysia. Kebanyakan kajian yang dijalankan hanya menumpukan kepada bahasa pertama dan bahasa kedua dalam kalangan penuturnya, misalnya bahasa Melayu-Inggeris, bahasa Cina-Inggeris atau bahasa Tamil-Inggeris. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengisi jurang kajian dengan melihat sudut yang berbeza, khususnya percampuran kod antara bahasa utama dan bahasa ketiga atau asing, iaitu bahasa Melayu dan Mandarin.

3. OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mengetahui pasti corak penggunaan percampuran kod antara bahasa Melayu dan bahasa Mandarin dalam aplikasi WhatsApp.
- ii. Mengetahui pasti faktor-faktor yang mendorong kepada penggunaan percampuran kod dalam bahasa Melayu dan bahasa Mandarin dalam WhatsApp.

4. PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan latar belakang kajian dan pernyataan masalah, kajian ini dirancang untuk mengkaji:

- i. Apakah corak penggunaan percampuran kod antara bahasa Melayu dan bahasa Mandarin dalam aplikasi WhatsApp?
- ii. Apakah faktor-faktor yang mendorong kepada penggunaan berlakunya percampuran kod dalam aplikasi WhatsApp?

5. KERANGKA TEORI

Fenomena percampuran kod sering menjadi minat para penyelidik, misalnya, Ferguson, Fishman, Gumperz et al dalam Noor Hashimah dan Adriana (2016). Kebanyakan penyelidikan memberi tumpuan kepada ciri penting pertukaran bahasa dan percampuran kod dwibahasa. Oleh kerana penyelidikan ini memberi tumpuan pada percampuran kod, kajian ini menggunakan tipologi Muysken dan Hoffman sebagai kerangka teori kajian. Kerangka kerja Muysken digunakan untuk menjawab persoalan kajian pertama mengenai penentuan corak percampuran kod dalam perbualan kumpulan WhatsApp. Muysken (2000) mendefinisikan percampuran kod sebagai semua kes di mana terdapat item leksikal dan ciri tatabahasa dari dua bahasa muncul dalam satu ayat. Seterusnya, kerangka kerja Hoffman digunakan untuk mengenal pasti faktor penggunaan percampuran kod dalam kumpulan WhatsApp. Hoffman (1991) menjelaskan bahawa percampuran kod boleh berlaku dengan kerap dalam perbualan tidak formal dalam kalangan orang yang biasa dan mempunyai latar belakang pendidikan, etnik, dan sosio-ekonomi yang dikongsi bersama. Individu yang mempunyai latar belakang demografi yang sama kebiasaannya mempunyai kecenderungan untuk mencampurkan kod semasa perbualan mereka. Namun, fenomena ini tidak berlaku dalam situasi ucapan formal dalam kalangan mereka yang mempunyai sedikit persamaan dari latar belakang status sosial, kesetiaan bahasa, dan formaliti.

6. TINJAUAN LITERATUR

6.1 Percampuran Kod

Menurut Siregar (1996) percampuran kod umumnya terdiri daripada dua jenis; Percampuran kod intra-leksikal dan percampuran kod Intra-sentensial. Percampuran kod intra-sentensial berlaku dalam frasa, klausa, atau batas ayat. Sebagai contoh; "Really? Macam tak percaya lah", kata "Really" dipinjam dari perkataan Inggeris, dan bukannya menggunakan bahasa asal iaitu "Benarkah?". Penutur menukar bahasa asal ke bahasa Inggeris untuk menunjukkan ekspresi kejutan. Contoh lain dalam komuniti pertuturan bahasa Melayu ialah "Boleh kah saya discuss dengan awak", di sini kata "discuss" adalah kata bahasa Inggeris yang sudah disesuaikan oleh penutur dalam ucapannya. Penutur biasanya menukar atau meminjam beberapa perkataan tertentu dari bahasa atau dialek lain bergantung kepada konteks dan ketepatan makna itu sendiri tanpa mempengaruhi komponen tatabahasa. Menurut Suwito (1998), dalam percampuran kod, adalah normal untuk melihat unsur-unsur meminjam kalimat dari satu bahasa ke bahasa lain.

Walau bagaimanapun, kajian awal dalam linguistik dengan jelas membezakan teori pinjaman bahasa dengan percampuran kod kerana ia secara umumnya mempunyai banyak persamaan.

Manakala percampuran kod intra-leksikal berlaku dalam batas kata yang memerlukan perubahan sebutan. Dalam hal ini, leksikal yang digunakan dalam kalimat tetap sama, tetapi pengucapan leksikal itu diubah. Jenis percampuran kod ini merupakan fenomena kepada penutur bukan penutur asli, misalnya, ketika orang Cina mengucapkan kata Inggeris "bye-bye" dan "blue", pengucapan kata ini akan diubah menjadi struktur fonologi Cina "pai-pai" dan "plue", bunyi awal huruf "b" dalam bahasa Mandarin terdengar seperti huruf "p". Oleh itu, dalam hal ini percampuran kod telah terjadi secara semula jadi dan kebetulan kerana penutur mempunyai latar belakang struktur fonologi yang berbeza.

Menurut Kim (2006) terdapat faktor-faktor tertentu yang menyebabkan berlakunya percampuran bahasa. Antaranya adalah kerana faktor dwibahasa. Penutur dwibahasa mempunyai kemampuan untuk menggunakan lebih dari satu bahasa dalam pertuturan, hal ini memberi ruang kepada mereka untuk bebas mencampurkan bahasa yang mereka ingin gunakan supaya mesej dapat disampaikan dengan lebih tepat. Selain itu, kurangnya perbendaharaan kata dalam bahasa tertentu juga menyebabkan berlakunya proses percampuran kod. Mencari kata atau istilah yang sesuai dalam satu bahasa mendorong seseorang untuk menukar atau menambah perkataan dan frasa dari satu bahasa ke bahasa lain. Faktor seterusnya yang menyebabkan percampuran kod berlaku adalah pengaruh komuniti sosial. Pada masa kini, kebanyakan komuniti bertutur dalam lebih daripada satu bahasa. Oleh itu, sebagai individu yang tinggal dalam komuniti tersebut, mereka akan menggunakan percampuran kod dalam pertuturan seharian bagi menunjukkan solidariti dan keakraban mereka. Faktor seterusnya adalah faktor prestij. Dalam era globalisasi masa kini, sesebuah masyarakat memerlukan individunya bertutur lebih daripada satu bahasa, terutamanya bahasa Inggeris. Dalam komuniti sosial tertentu, mereka menganggap sesuatu kelompok yang dapat berbahasa Inggeris dengan lancar, mereka akan dikenali sebagai kelompok masyarakat moden dan berpendidikan tinggi. Oleh itu, percampuran bahasa dalam pertuturan atau komunikasi bertulis adalah perkara biasa kerana ia dapat meningkatkan status sosial mereka dan pada masa yang sama mengubah perspektif masyarakat mengenainya.

Kajian oleh Sumarsih et.al (2019), merupakan kajian sosiolinguistik yang menumpukan kepada analisis percampuran kod yang berlaku Kota Medan, Kota Siantar dan Kabupaten Mandailing Natal di Indonesia. Kaedah penyelidikan kualitatif digunakan untuk menganalisis pencampuran kod yang berlaku pada tahap kata, frasa, dan ayat. Dapatan kajian menunjukkan percampuran kod berlaku di tahap kata adalah tahap tertinggi yang mencapai 57.3% dari keseluruhan data dan diikuti oleh tahap frasa dan tahap ayat yang masing-masing mencapai 40.4% dan 17.3%. Kajian ini menyimpulkan bahawa tujuan penggunaan percampuran kod adalah kerana tidak mengetahui perkataan yang sesuai untuk diterjemahkan kepada bahasa ibunda mereka, selain menunjuk-nunjuk serta mengikut trend semasa.

Seterusnya kajian yang telah dilaksanakan oleh Leung C.H (2018). Kajiannya menumpukan kepada fenomena percampuran kod dalam kalangan orang Cina berbahasa Inggeris dan Mandarin di Malaysia. Dapatan kajian mendapati bahawa percampuran kod penyisipan merupakan tema yang paling kerap digunakan dalam perbualan penutur bahasa Inggeris dan Mandarin di Malaysia. Kata nama paling kerap dijumpai dalam percampuran kod diikuti oleh kata adjektif dan kata kerja. Terdapat juga lapan faktor yang dikenal pasti sebagai sebab berlakunya percampuran kod ini, iaitu : kekurangan terjemahan yang tepat dan sesuai, peranan dan hubungan penutur, perbualan terhadap topik tertentu, kutipan percakapan daripada orang lain, penegasan terhadap sesuatu, menzahirkan emosi, penggunaan pengulangan dalam menjelaskan sesuatu dan pernyataan identiti kumpulan.

Walaupun percampuran kod sering berlaku dalam komunikasi lisan, namun ia juga boleh berlaku dalam sesebuah penulisan. Banyak kajian lepas telah dilakukan untuk melihat gabungan kod dalam penulisan atau teks. Antaranya kajian oleh Saba (2019), menumpukan pada proses percampuran kod dan pengalihan kod yang dilakukan oleh penyanyi Pakistan dalam lirik lagu-lagu mereka. Kajian ini membincangkan bagaimana pemuzik Pakistan menggunakannya sebagai sebahagian daripada kreativiti mereka. Penyelidik merangkumi penyanyi lama seperti Ahmad Rushdi, Nazia Hassan bersama dengan bintang baru Imran Khan, Ali Haider, Abrar ul Haq, dan Bilal Saeed untuk memahami kepentingan percampuran kod dan peralihan kod. Tujuan pengambilan data daripada penyanyi baru dan lama adalah untuk membuat perbandingan sekiranya terdapat perubahan kepada corak pembinaan lirik lagu lama dan kontemporari. Dapatan kajian mendapati percampuran kod dalam lirik lagu kerap berlaku antara bahasa Urdu dan Punjabi. Walau bagaimanapun, terdapat juga percampuran bahasa Inggeris terutamanya dalam tajuk lagu atau di bahagian korus. Kajian juga mendapati percampuran kod ini berlaku kerana ia menonjolkan gaya muzik yang lebih moden dan berprestij.

6.2 Percampuran Kod dalam Media Sosial

Selain percampuran kod dalam pertuturan seharian, fenomena ini sudah lama berkembang di media sosial, terutama dalam komunikasi bertulis. Kemunculan teks media sosial seperti WhatsApp dan Telegram, telah mencipta banyak peluang baru untuk mengakses maklumat yang mengandungi pelbagai bentuk Bahasa. Secara tidak langsung, ia membawa kepada banyak cabaran baru, terutamanya, teks jenis ini mempunyai peratusan kesalahan ejaan dan ejaan kreatif yang tinggi. ("2 cent" untuk 'dua sen'), singkatan ("OTW" untuk 'On The Way!'), Menaip fonetik; permainan kata ("Yesssss" untuk 'ya'), Metatag (URL, Hashtag), dan sebagainya.

Syafrizal, S., dan Sari, A. R. (2017) telah menjalankan kajian untuk melihat fenomena percampuran kod di aplikasi Twitter. Kajiannya yang bertajuk *Code Mixing in Students' Twitter Status at Sultan Ageng Tirtayasa University in Banten, Indonesia* adalah sebuah kajian berbentuk kualitatif yang menggunakan kaedah analisis kandungan. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui (1) mengapa pelajar menggunakan percampuran kod dalam komunikasi mereka dalam status Twitter (2) faktor apa yang mempengaruhi pelajar dalam menggunakan percampuran kod dalam status Twitter (3) jenis percampuran kod yang dihasilkan oleh pelajar dalam status mereka. Hasil penyelidikan ini di dapati bentuk percampuran kod yang sering digunakan oleh pelajar adalah termasuk penyisipan, penggantian dan leksikalisasi kongruen. Seterusnya, faktor terbesar yang menyebabkan berlakunya percampuran kod adalah disebabkan oleh faktor psikologi dari para pelajar. Satae Aesoh (2018) dalam kajiannya bertajuk *Code-Mixing Used by Thai Students of University Muhammadiyah Malang to Update Status on Twitter* juga memperoleh dapatan kajian yang serupa, walaupun berbeza latar belakang iaitu respodennya adalah terdiri daripada pelajar Thailand.

Selain itu, kajian oleh Huzaina Abdul Halim (2015) yang bertajuk *Code Mixing on Facebook Among Malaysian TESL Students* telah dijalankan kepada sekumpulan pelajar TESL di sebuah Universiti di Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif untuk mendapatkan data. Data diperoleh dan dianalisis melalui bentuk pemerhatian di status Facebook dan interaksi di dindingnya, serta soal selidik terbuka yang dilaksanakan secara dalam talian. Hasil kajian mendapati bahawa penyertaan frasa adalah tahap percampuran kod yang paling kerap berlaku di Facebook. Kajian juga mengenal pasti faktor kepada berlakunya percampuran kod di Facebook adalah kerana ingin menunjukkan solidariti iaitu rasa kebersamaan dan milik kepada sesebuah kumpulan atau status sosial. Penyelidik juga menyatakan penemuan ini dapat membantu pengkaji lain untuk meneroka secara lebih mendalam mengenai fenomena percampuran kod yang berlaku secara meluas di media sosial, tidak kira di mana-mana platform.

Kesimpulannya, semua kajian yang dibincangkan dalam bahagian ini jelas menerangkan fenomena percampuran kod yang berlaku secara meluas di dalam media sosial. Antara aplikasi media sosial yang dibincangkan adalah Facebook, Instagram, Youtube dan Twitter. Terdapat juga pelbagai faktor yang telah dibincangkan mengenai motivasi kepada berlakunya percampuran kod ini. Walau bagaimanapun, di dapati kebanyakan kajian dilakukan hanya di aplikasi Facebook. Kebarangkalian adalah kerana Facebook merupakan aplikasi media sosial yang paling popular berdasarkan laporan digital 2019. Penyelidik mendapati kajian terhadap aplikasi WhatsApp amat sedikit dan terbatas. Walaupun WhatsApp tidak disenaraikan sebagai aplikasi yang paling ramai penggunaannya di dunia, namun ciri-ciri dan fungsi yang terdapat di dalamnya mampu menyediakan set data yang mencukupi bagi pengkaji untuk melihat secara mendalam mengenai corak penggunaan percampuran kod dalam aplikasi WhatsApp.

7. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan metodologi kualitatif dengan menumpukan kepada pencarian tema-tema utama yang terdapat dalam data kajian. Data kajian diperolehi menggunakan kaedah netnografi menerusi penggunaan tetapan di sebuah aplikasi laman sosial popular di Malaysia iaitu Whatsapp dan WhatsApp Messenger pada telefon pintar. Aplikasi ini membolehkan pengguna menghantar dan menerima mesej seperti sistem pesanan ringkas (SMS) tanpa menggunakan kredit tetapi melalui sambungan internet. Kajian ini menggunakan data dari sejarah sembang aplikasi WhatsApp oleh 18 peserta dari kumpulan WhatsApp yang bernama “变成老生了 2.0 (Biànchéng lǎoshēng le 2.0)”. Garis masa sejarah sembang adalah dari 6 Mac 2015 sehingga 6 Julai 2017. Kesemua 18 peserta ini adalah alumni daripada Beijing Foreign Studies University yang mengambil jurusan bahasa Mandarin selama 5 tahun, bermula daripada tahun 2012 sehingga 2017 dan berada dalam kelas yang sama serta telah menamatkan pengajian pada tahun 2017. Bahasa utama yang dipertuturkan dalam perbualan seharian oleh mereka adalah bahasa Melayu manakala bahasa Mandarin dijadikan bahasa kedua atau ketiga. Setiap peserta mempunyai tahap kefasihan Bahasa Mandarin yang sangat baik.

Tujuan penubuhan kumpulan WhatsApp tersebut adalah sebagai medium untuk menyebarkan maklumat khususnya mengenai urusan pembelajaran di kuliah. Penubuhannya bukan sahaja membantu peserta untuk menyelesaikan pelbagai masalah yang berkaitan dengan pembelajaran, malah ia juga sebagai medium untuk mengisi masa lapang dengan bersosial dan bersembang. Bagi sesi temu bual pula, kesemua peserta akan ditemu bual secara ringkas. Sesi tersebut juga akan di jalankan melalui fungsi private message (mesej peribadi) dalam aplikasi tersebut.

7.1 Analisis Data

Analisis tematik digunakan untuk mengenal pasti makna yang berpola di seluruh kumpulan data. Enam langkah dilakukan untuk mendapatkan hasil kajian. Langkah pertama adalah memahami data. Langkah yang diambil adalah membaca secara berterusan dan berulang supaya lebih memahami secara mendalam. Langkah kedua adalah pengekodan. Dalam langkah ini, kod dihasilkan melalui kod data yang penting sahaja. Ini penting bagi menjawab persoalan kajian. Seluruh set data akan dikodkan, disusun dan kemudian diekstrak. Langkah ketiga adalah membuat tema awal. Kod dan data yang dikumpulkan diperiksa untuk mengenal pasti pola makna yang lebih luas. Data yang relevan kemudian disusun menjadi beberapa tema. Langkah keempat adalah menilai tema. Tema yang dikumpulkan dalam tahap ini diperhalusi, baik dengan menggabungkan atau membuangnya. Peringkat kelima adalah mengelompokkan dan menamakan tema. Setiap tema difokuskan, dan kemudian analisis terperinci dari setiap tema akan dihasilkan. Proses penamaan untuk setiap tema turut terlibat dalam langkah ini. Langkah keenam ialah penulisan. Semua data yang dikumpulkan kemudian akan ditulis untuk bahagian analisis. Kaedah analisis diadopsi dari Bakar dan Mazzlan (2018) dan Shafiee et.al. (2019).

Manakala untuk persoalan kajian kedua, prosedur tersebut dilakukan melalui tinjauan kepada beberapa peserta berkenaan dengan motivasi penggunaan percampuran kod bahasa dalam kumpulan WhatsApp.

8. DAPATAN KAJIAN

8.1 Objektif 1: Corak Penggunaan Bahasa Campuran Melayu - Mandarin pada Aplikasi WhatsApp

Bahagian ini membincangkan tentang corak berulang percampuran kod yang terdapat daripada perbualan satu kumpulan WhatsApp. Melalui penggunaan analisis tematik, daftar tabulasi dibentuk untuk memberikan pandangan yang lebih jelas mengenai kewujudan percampuran kod yang berulang. Pola pengulangan percampuran kod yang ditemui kemudian dikategorikan berdasarkan fungsi percampuran kod yang terdapat dalam perbualan kumpulan WhatsApp tersebut. Fungsi percampuran kod kemudian akhirnya diklasifikasikan di bawah lapan tema utama, iaitu pernyataan, pemberitahuan, sindiran, pengesahan, ucapan selamat dan galakan, pertanyaan, undangan, dan permintaan. Tema-tema ini adalah diperkenalkan oleh Musyken (2000) di dalam kajiannya mengenai pencampuran bahasa. Tema-tema yang dinyatakan di atas membuktikan bahawa ahli kumpulan WhatsApp sering mencampurkan bahasa di dalam perbualan maya.

Pernyataan

Di bawah tema pernyataan, ahli kumpulan kebiasaannya menggunakan percampuran kod untuk memberi sebuah kenyataan umum. Pernyataan yang dibuat kebiasaannya ditujukan kepada semua ahli kumpulan, melainkan terdapat penerusan khas yang dinyatakan oleh pemberi pesanan. Daripada 322 ayat yang dianalisis, terdapat 68 ayat yang dikenal pasti sebagai percampuran kod yang bercorak pernyataan. Berikut adalah data-data bagi tema pernyataan.

Jadual 1 Percampuran Kod bagi tema Pernyataan

	Percampuran kod	Terjemahan
1.	Harga kilang, sesape minat bisnes bolehlah kesini, 逛一逛	Harga kilang, sesiapa yang minat berniaga boleh datang ke sini, <i>membeli-belah</i>
2.	Phone nana x ok lg, dia duk nangis ni,,笑哭不得..skjp nangis,skjp gelak.	Telefon Nana masih belum dalam keadaan baik, beliau sedang menangis, <i>tidak ketawa tidak menangis</i> , sekejap menangis sekejap gelak

Pernyataan bagi percampuran kod dalam ayat pertama, penulis berkongsi mengenai pengalamannya menemui tempat membeli-belah yang menjual barangan dengan harga yang murah dan berpatutan. Penggunaan perkataan 逛一逛 (*guang yi guang*) diujung ayat bermaksud 'membeli-belah'. Perkataan ini sesuai digunakan di dalam ayat tersebut kerana ia biasa digunakan ketika dalam keadaan yang tidak formal.

Bagi percampuran kod dalam ayat kedua pula, penulis membuat pernyataan mengenai keadaan telefon rakannya yang tidak berfungsi dengan baik. Penggunaan perkataan Bahasa Mandarin dalam ayat tersebut iaitu 笑哭不得 (*Xiao ku bu de*) merupakan simpulan bahasa Mandarin yang membawa maksud 'tidak tahu sama ada mahu ketawa atau menangis'. Penggunaan simpulan Bahasa Mandarin ini hanyalah bertujuan sebagai penambahan dalam ayat tersebut. Penulis menggunakannya supaya penerima pesanan memahami keadaan rakannya dengan lebih tepat.

Pemberitahuan

Penggunaan percampuran kod yang terdapat dalam tema ini bertujuan untuk memberitahu ahli kumpulan dengan menyampaikan maklumat tertentu. Pemberitahuan maklumat kebiasaannya boleh dituju kepada semua ahli kumpulan secara umumnya, atau ditujukan kepada mana-mana ahli kumpulan. Sebanyak 61 ayat telah dikenal pasti sebagai percampuran kod bercorak *pemberitahuan*. Berikut adalah beberapa data mengenai ayat *pemberitahuan*.

Jadual 2 Percampuran Kod bagi tema Pemberitahuan

	Percampuran kod	Terjemahan
1.	Assalamualaikum. Ni group utk tingshuo: Giliran biaoyan ikut nombor soalan. 好好准备哦!	Assalamualaikum, ini adalah pembahagian kumpulan untuk <i>kelas pendengaran dan oral</i> : Giliran pembentangan mengikut nombor soalan. <i>Sila membuat persiapan dengan baik!</i>
2.	okay wc, laoshi kata 听力, soalan 3 kalau dapat dengar 真正的句子, buat je.	Terima kasih, Cikgu kata <i>subjek pendengaran</i> , soalan tiga sekiranya dapat mendengar <i>ayat yang sebenar</i> , buat sahaja.

Percampuran kod pada ayat yang pertama adalah bertujuan untuk memberitahu ahli kumpulan mengenai pembentangan yang perlu dilakukan oleh mereka bagi mata pelajaran Pendengaran dan Percakapan. Ayat ini mempunyai banyak perkataan dan frasa yang dicampurkan dengan bahasa Melayu. Ia bermula dengan ayat pemberitahuan, dan diakhiri dengan pesanan. Pesanan dalam ayat ini digunakan dalam Bahasa Mandarin iaitu ‘好好准备哦 (haohao zhunbei a)’. Penggunaan perkataan Bahasa Mandarin dalam ayat ini iaitu ‘biaoyan’ bermaksud perbentangan, manakala 好好准备哦 (haohao zhunbei a) bermaksud *Sila membuat persiapan dengan baik!*

Seterusnya, ayat kedua menerangkan tujuan penulis untuk memaklumkan mengenai arahan tugas yang diberikan oleh guru mereka. Perkataan ‘听力 (Tingli)’ dalam ayat ini merujuk kepada subjek yang mereka pelajari iaitu mata pelajaran Pendengaran. Penutur dwibahasa sering mengekalkan bahasa kedua dalam pertuturan mereka sekiranya ia melibatkan penggunaan kata nama khas yang sememangnya tiada terjemahan yang tepat mengenainya. Bentuk percampuran bahasa dalam ayat ini adalah dengan memasukkan frasa bahasa Mandarin dipertengahan ayat. Penggunaan bahasa Mandarin iaitu 真正的句子 (zhenzhen de juzi) bermaksud ‘ayat yang sebenar’ dilihat sebagai memetik kata daripada orang lain. Dengan melakukan bentuk percampuran kod sebegini, ia mampu untuk menyampaikan pesanan dengan maksud yang lebih tepat.

Sindiran

Tujuan percampuran kod di bawah tema *sindiran* adalah bagi tujuan menyindir dengan menggunakan kata-kata yang tajam atau pedas. Penyindiran tersebut kebiasaannya dilakukan secara tidak langsung namun terdapat makna tersirat dibaliknya. Kadang-kadang percampuran kod sebagai penyindiran dilakukan atas niat bergurau dan ingin menceriaikan suasana. Data yang terkumpul dengan bertemakan *sindiran* adalah sebanyak 34 ayat, berikut adalah contoh-contoh ayat.

Jadual 3 Percampuran Kod bagi tema Sindiran

	Percampuran kod	Terjemahan
1.	Phone yg gonggong tu mohon jadi admin haha	Kepada telefon milik <i>awam</i> tersebut mohon menjadi pengurus, haha.
2.	Apsal aq 玩游戏. Stereotype betul.	Mengapa saya yang <i>bermain permainan video</i> , ini adalah tanggapan stereotaip.

Penggunaan percampuran kod yang terdapat dalam ayat pertama adalah penyampai menyindir rakannya mengenai pemilihan menjadi pengurus kumpulan WhatsApp, kerana beliau didakwa memiliki telefon milik kegunaan awam. Perkataan 'gonggong' yang membawa maksud awam ditujukan kepada telefon milik rakan penyampai. Bentuk percampuran kod dalam ayat ini adalah bentuk penyisipan, di mana hanya satu perkataan iaitu 'awam' diterjemahkan secara langsung di dalam ayat ini ke dalam Bahasa Mandarin.

Manakala bagi ayat kedua pula menunjukkan tindak balas penyampai terhadap sindiran yang diterimanya. Sindiran tersebut mendakwa dirinya begitu taksab dengan permainan video sehingga menyebabkan penyampai membalas dengan mengatakan tuduhan tersebut adalah tanggapan stereotaip terhadap dirinya. Bentuk percampuran kod yang terdapat dalam ayat ini adalah penggantian, di mana penggunaan perkataan bahasa Melayu dan Mandarin adalah saling bersilih ganti.

Pengesahan

Percampuran kod di bawah tema ini dilakukan untuk mengesahkan sebuah maklumat yang diterima dalam kalangan ahli kumpulan. Percampuran kod bagi tujuan pengesahan juga bertujuan supaya ahli kumpulan tidak tersalah atau terlepas maklumat penting, serta bagi memastikan maklumat yang diterima adalah tepat serta benar. Daripada kesemua 322 ayat yang dikumpulkan, sebanyak 79 ayat dikenal pasti sebagai percampuran kod bercorak pengesahan. Berikut adalah sebahagian dapatan serta perbincangan mengenai tema pengesahan.

Jadual 4 Percampuran Kod bagi tema Pengesahan

	Percampuran kod	Terjemahan
1.	我的母校是在 Qiraati Pasir Tumbuh ,besut..raso betul doh ayat..kalu salah tegur..	<i>Alma mater saya adalah di Qiraati Pasir Tumbuh, Besut. Saya rasa ayat ini adalah betul. Sila tegur sekiranya salah.</i>

Percampuran kod dalam ayat pertama digunakan bagi membuat pengesahan mengenai ayat Bahasa Mandarin yang ingin dilatih. Percampuran kod dalam ayat ini adalah berbentuk penggantian di mana ia dimulai dengan penggunaan Bahasa Mandarin, dan kemudian di akhiri dengan pengesahan penyampai di dalam Bahasa Melayu.

Ucapan Selamat dan Galakkan

Di bawah tema *ucapan selamat dan galakkan*, ahli kumpulan secara amnya menggunakan percampuran kod untuk memberi ucapan di atas sebarang peristiwa yang telah berlaku. Tujuan ucapan tersebut termasuklah sebagai memberi galakkan atau motivasi dalam kalangan ahli kumpulan. Kajian ini berjaya mengenal pasti sebanyak 20 ayat yang dikategorikan sebagai tema *ucapan selamat dan galakkan*.

Jadual 5 Percampuran Kod bagi tema Ucapan selamat dan galakkan

	Percampuran kod	Terjemahan
1.	祝你生日快乐班长！semoga jadi anak yg soleh dan memberi manfaat kpd agama, negara dan bangsa.	<i>Selamat hari jadi kepada ketua kelas!</i> Semoga menjadi anak yang soleh dan memberi manfaat kepada agama, negara dan bangsa,

Di bawah tema ucapan dan galakkan, data yang terkumpul adalah sebanyak tujuh ayat. Ayat pertama adalah ucapan selamat hari jadi kepada ketua kelas mereka. Percampuran bahasa dalam ayat ini adalah berbentuk penggantian, di mana ucapan selamat dalam Bahasa Mandarin diungkapkan terlebih dahulu, dan seterusnya disambung menggunakan Bahasa Melayu sehingga selesai ucapan.

Pertanyaan

Tema *pertanyaan* digunakan untuk mengajukan pertanyaan dan soalan berkaitan hal-hal yang berlaku dalam kalangan mereka. Daripada 322 ayat yang dikumpulkan, sebanyak 32 ayat telah dikenal pasti sebagai percampuran kod bertema *pertanyaan*.

Jadual 6 Percampuran Kod bagi tema Pertanyaan

	Percampuran kod	Terjemahan
1.	Guys, 得意 tu maksudnya ape? Sorry baru nak buat hw	Rakan-rakan sekalian, <i>deyi (bangga)</i> itu maksudnya apa? Maaf baru hendak mula membuat tugas.

Percampuran kod dalam ayat di atas bertujuan untuk menanyakan maksud perkataan bahasa Mandarin kepada ahli kumpulan. Percampuran kod dalam ayat ini berbentuk penggantian dan bukan berbentuk penyisipan, kerana penyampai sememangnya berniat menggunakan perkataan asal bahasa Mandarin tersebut disebabkan tiada pengetahuan tentang maksud perkataan tersebut dalam bahasa Melayu. Perkataan 得意 (*deyi*) bermaksud *bangga* dalam bahasa Melayu.

Undangan

Percampuran kod dibawah tema *undangan* biasanya digunakan untuk tujuan memberi jemputan atau pelawaan kepada ahli kumpulan. Seiring dengan tujuan penubuhan kumpulan WhatsApp sebagai medium komunikasi, pesanan undangan sering dilakukan tidak kira dengan menggunakan percampuran kod ataupun tidak. Sebanyak 8 ayat sahaja yang dikenal pasti sebagai percampuran kod dibawah tema *undangan*. Berikut merupakan antara contoh bagi tema tersebut.

Jadual 7 Percampuran Kod bagi tema Undangan

	Percampuran kod	Terjemahan
1.	Assalamualaikum, AMSIB akan mengadakan 文化节 di 北京语言大学。sesiapa yang berminat untuk menjadi sukarelawan, boleh isi borang (LINK) di bawah.	Assalamualaikum, AMSIB akan mengadakan <i>Festival Kebudayaan</i> di 'Beijing Language and Culture University'. Sesiapa yang berminat untuk menjadi sukarelawan, boleh isi pautan borang di bawah..

Percampuran kod yang terdapat dalam ayat di atas bertujuan untuk menyampaikan undangan kepada ahli kumpulan untuk menjadi sukarelawan program yang bakal dilaksanakan. Ayat ini secara dasarnya digunakan oleh penyampai dalam bahasa Melayu, namun disebabkan terdapat beberapa perkataan yang tidak sesuai diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu, penyampai akhirnya menggunakan bahasa Mandarin supaya maksud menjadi lebih tepat dan mengelakkan kekeliruan. 文化节 (wenhuajie) adalah nama program iaitu *Festival Kebudayaan*, manakala 北京语言大学 (Beijing Yuyan Daxue) adalah nama sebuah Universiti yang bermaksud *Beijing Language and Culture University*.

8.2 Objektif 2: Faktor-faktor Berlakunya Percampuran Kod Dalam Bahasa Melayu-Mandarin di Whatsapp Berdasarkan Ayat-Ayat Bercorak Pernyataan, Pemberitahuan dan Pengesahan

Bagi menjawab objektif dan persoalan kedua kajian, responden diberi sebanyak tiga ayat contoh percampuran kod dalam bahasa Melayu dan Mandarin. Responden diminta untuk mengulas pendapat mereka mengenai faktor-faktor kepada berlakunya isu percampuran kod dalam ayat tersebut. Ketiga-tiga ayat ini diambil daripada data dapatan kajian, di mana ia terdiri daripada ayat-ayat yang diklasifikasikan kepada tiga tema corak penggunaan percampuran kod dalam bahasa Melayu – Mandarin, iaitu tema *pengesahan*, *pemberitahuan* dan *pernyataan*. Ketiga-tiga ayat dibawah tema-tema ini dipilih kerana mempunyai bilangan data yang paling banyak.

Jadual 8 Dapatan Data bagi Percampuran kod untuk tema Pengesahan, Pemberitahuan dan Pernyataan

Ayat 1: Oooo mungkin boleh 随便 kot eh? Haha.	
R1: Tak jumpa <i>perkataan sesuai</i> dalam bahasa melayu waktu tu.	R6: Perkataan suibian <i>lebih tepat</i> penggunaannya.
R2: Dah <i>terbiasa</i> .	R7: Menggunakan perkataan (随便) <i>lebih mudah dan senang difahami</i> maksud ayat yang ingin disampaikan.
R3: Penggunaan 随便 <i>terpengaruh</i> dari cerita yang perempuan nak makan mana tu. Tapi dia kata suka hati. Jadi effect dia untuk gunakan dalam bm-bc sangat tinggi.	R8: Perkataan 随便 <i>lebih kerap diguna dalam pertuturan seharian</i> daripada perkataan 'suka hati'.
R4: Selalu dengar ayat ini, mungkin sebab sebut "suibian" <i>lebih mudah</i> daripada suka hati.	R9: Tak dapat ingat balik (atau recall) perkataan bahasa melayu, sebab dah <i>terbiasa</i> dengan persekitaran bahasa mandarin.
R5: Ayat yang <i>lagi mudah</i> .	R10: Perkataan ini <i>biasa</i> digunakan.

Merujuk kepada jawapan responden berdasarkan ayat 1 di atas, beberapa faktor ditemui bagi menjawab persoalan kedua kajian ini. Kebanyakan responden menyatakan bahawa mereka sudah terbiasa dengan penggunaan perkataan mandarin tersebut. (R8) juga menyokong dapatan ini dengan menyatakan pendapatnya bahawa penggunaan perkataan Mandarin ini sering digunakan dalam perbualan seharian mereka berbanding dengan perkataan Melayu 'suka hati'. Selain itu, tiga orang responden menyatakan bahawa penggunaan perkataan Mandarin tersebut adalah *mudah* digunakan dan *senang untuk difahami*. Selebihnya, terdapat faktor-faktor lain yang dinyatakan oleh responden, antaranya (R1) mengatakan tidak menjumpai perkataan yang sesuai, selain itu, (R3) memberi pandangannya iaitu penggunaan perkataan Mandarin ini hasil daripada *pengaruh* daripada sebuah cerita. (R6) pula berpendapat penggunaan perkataan mandarin (suibian) di dalam ayat tersebut adalah *lebih menepati maksud* yang ingin disampaikan.

Jadual 9 Dapatan Data bagi Percampuran kod untuk tema Pengesahan, Pemberitahuan dan Pernyataan

R1: Lagi <i>senang faham</i> . Mungkin?	R6: Dah <i>terbiasa</i> dengan perkataan ini.
R2: Saja nak <i>praktis</i> .	R7: Ayat yang digunakan di akhir ayat ni biasanya untuk nampakkan ayat tersebut lebih " <i>catchy</i> " sebagai peringatan sekali lagi berkenaan apa yang ingin disampaikan.
R3: Guna bahasa cina sebagai <i>tanda penegasan</i> dekat situ.	R8: 别迟到哦 ada <i>unsur lemah lembut</i> lagi daripada ayat 'jangan lambat ye'.
R4: Ayat ini mungkin sebab dulu waktu belajar laoshi selalu sebut ayat ini <i>jadi kebiasaan</i> .	R9: Mungkin pelajar ingin <i>praktis</i> penggunaan bahasa mandarin walaupun hanya dengan ayat penyata yang mudah.
R5: bagi <i>peringatan</i> tapi dalam bentuk yang sopan.	R10: Sebab nak bagi <i>peringatan</i> .

Seterusnya, dapatan kajian memperoleh corak jawapan yang pelbagai dari responden berdasarkan ayat 2. Antara faktor-faktor berlakunya percampuran kod dalam bahasa Melayu – Mandarin dalam ayat ini adalah kerana frasa bahasa Mandarin yang terdapat pada ayat ini *sudah biasa digunakan*. Selain itu, tiga responden memberi pandangan yang sama, iaitu kerana ingin memberi *penegasan* atau menunjukkan tanda penegasan. Selebihnya, faktor-faktor yang turut dikenal pasti adalah kerana mahu *berlatih* menggunakan frasa bahasa Mandarin tersebut. (R8) dan (R5) bersetuju bahawa penggunaan frasa Mandarin dalam ayat ini mempunyai *unsur yang lebih sopan*, berbanding menggunakan frasa dalam bahasa Melayu iaitu "jangan lambat ye". (R7) pula mempunyai pandangan yang berbeza, beliau mengatakan bahawa penggunaan frasa Mandarin dalam ayat tersebut adalah bagi tujuan menampakkan lebih "*catchy*" iaitu untuk *menarik perhatian* penerima pesanan, serta ia bertujuan untuk menegaskan pesannya dengan mengulangi semula peringatan yang sama, namun dalam bahasa yang berbeza.

Jadual 10 Dapatan Data bagi Percampuran kod untuk tema Pengesahan, Pemberitahuan dan Pernyataan

Ayat 3: Part 补语 kan ad 2 结果/趋向补语 laoshi ckp part 结果补语 je yg x msuk exam.. yg lain semua masuk.	
R1: <i>Term</i> dalam bahasa melayu <i>tak ada</i> .	R6: Perkataan cina yg digunakan <i>tidak dapat diterjemah secara tepat</i> dalam bahasa Melayu.
R2: Sebab <i>tak tahu nak translate</i> macam mana.	R7: Ada sesetengah perkataan bahasa cina yang <i>sukar untuk diterjemah</i> ke dalam bahasa melayu. Dan lebih mudah menerangkan ayat dalam bahasa melayu, perkataan bahasa cina itu dikekalkan untuk tidak mengubah maksud asal ayat tersebut.
R3: <i>Term in chinese</i> supaya senang nak tahu yang mana satu yang tengah kita bincangkan.	R8: <i>Tak pasti istilah</i> bahasa melayunya.
R4: Kita <i>belajar dalam bahasa cina</i> ayat ini jadi lagi mudah kalau kita guna istilah ini untuk terangkan.	R9: <i>Perkataan dan terma spesifik yang dipelajari daripada bahasa asing</i> , menyukarkan untuk diterjemah ke dalam bahasa melayu. Mungkin sukar untuk mencari terma yang tepat dalam bahasa melayu
R5: Untuk eleborate dengan <i>lebih mudah</i> dan <i>senang difahami</i> .	R10: <i>Tiada terma yang tepat</i> dalam bahasa Melayu.

Selain dari itu, kesemua responden bersetuju berlakunya percampuran kod dalam bahasa Melayu – Mandarin dalam ayat 3 adalah *kerana istilah atau terma* yang digunakan tidak dapat diterjemahkan secara tepat ke dalam bahasa Melayu. Hal ini kerana, perkataan-perkataan ini dipelajari dalam bahasa Mandarin, serta penggunaannya sudah dibiasakan untuk kekal dalam bahasa Mandarin. Selain daripada itu, terdapat responden menyatakan pendapatnya bahawa istilah bahasa Mandarin dikekalkan dalam ayat ini supaya maksud ayat lebih *mudah* difahami serta lebih tepat.

9. KESIMPULAN

Kesimpulannya, dapatan kajian ini telah menjelaskan tentang faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya percampuran kod dalam Bahasa Melayu – Mandarin. Penyelidik mendapati corak percampuran kod sangat kerap berlaku dalam aplikasi WhatsApp kumpulan pelajar. Corak pengesahan merupakan corak penggunaan percampuran kod yang paling banyak ditemui, Ini menunjukkan tujuan utama penggunaan aplikasi WhatsApp dalam kalangan pelajar jurusan bahasa Mandarin adalah untuk membuat pengesahan mengenai maklumat yang diterima oleh mereka. Seterusnya, faktor kepada berlakunya percampuran kod yang paling kerap ditemui dalam kajian adalah faktor 'tiada istilah atau terjemahan yang tepat'. Dapatan ini mencerminkan situasi yang kerap dihadapi oleh pelajar Malaysia yang mengambil jurusan Bahasa Mandarin, iaitu terdapat banyak istilah bahasa Mandarin yang mahu mereka tuturkan tiada terjemahan atau istilah yang tepat dalam bahasa Melayu. Kebiasaannya istilah tersebut terdiri daripada kata nama khas, seperti nama mata pelajaran, nama tempat, nama orang dan sebagainya. Namun begitu, secara umumnya, dapatan kajian ini tidak dapat dihadkan kepada percampuran kod dalam aplikasi WhatsApp sahaja, kerana kesemua bentuk dan corak penggunaan percampuran kod seperti ini boleh ditemui dalam banyak medium komunikasi yang lain, seperti melalui perbualan telefon, sistem pesanan ringkas, e-mel dan sebagainya.

RUJUKAN

- Awang Sariyan. (2004). *Bahasa Rojak Nilai Bahasa Rasmi Bahasa Kebangsaan Luntur*. Dewan Masyarakat. Vol. Julai 2004, 8-11.
- Bakar, M. S. A., & Mazzalan, A. M. (2018). Aliran pertuturan bahasa rojak dalam kalangan pengguna Facebook di Malaysia. *E-Academia Journal*, 7(1).
- Bernama. (2017). *Malaysians are world's largest WhatsApp users*. Retrieved from <https://www.nst.com.my/lifestyle/bots/2017/09/278936/malaysians-are-worldslargest-whatsappusers>. September 12.
- Choi, K. Y., & Chong, S. L. (2017). Campur aduk bahasa Melayu dan bahasa Cina. *Journal of Modern Languages*, 18(1), 56-66.
- Chow Chai Khim. (2010). *The Study of Loanwords between Chinese Language and Malay Language in Malaysia* (Doctoral dissertation).
- Hafizan (2017). *Ketahui Kata Pinjaman Bahasa Mandarin Yang Sering Digunakan*. Retrieved from <https://limaumandarin.com/ketahui-kata-pinjaman-bahasa-mandarin-yangsering-digunakan/>.
- Hafner, K., Jaret, P., Liptak, A., & Rai, S. (2006). *Studying a 'Strategic' Language*. New York Times Upfront, 138, 6-6.
- Halim, H. A. (2015). Code Mixing on Facebook among Malaysian Tesl Students. *Advances in Social Sciences Research Journal*, 2(5).
- Suwarsih, Hardini, T. I., Widyastuti, T., & Awaliah, Y. R. (2019). Code Mixing in E- commerce on Instagram. In *Second Conference on Language, Literature, Education, and Culture (ICOLLITE 2018)*. Atlantis Press.

- Haugen, E. I. (1953). *The Norwegian Language in America: a Study in Bilingual Behavior*. (2 Vols.) Philadelphia: U. of Penn. Press. 1956. *Bilingualism in the Americas: A Bibliography and Research Guide*.
- Haugen, E. I. (1956). *Bilingualism in the Americas: A bibliography and research guide* (Vol. 26). [Gainesville, Fla.] American Dialect Society; obtainable from University of Alabama Press, University, Ala.
- Husna Faredza Mohamed Redzwan, Khairul Azam Bahari, Anida Sarudin & Zulkifli Osman. (2020). Strategi pengukuran upaya berbahasa menerusi kesantunan berbahasa sebagai indikator profesionalisme guru pelatih berasaskan skala morfofonetik, sosiolinguistik dan sosiopragmatik. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 17 (1): 213-254.
- Henry, J. S. (2017). Bahasa Inggeris untuk Tujuan-tujuan Khusus-Perhubungan Antarabangsa. *Journal of Modern Languages*, 1, 65-77.
- Huzaina Abdul Halim. (2015). Code Mixing on Facebook Among Malaysian TESL Students. *Advance in Social Sciences Research Journal*. Vol. 2 No. 5 (2015).
- Kim, E. (2006). Reason and Motivation for Code switching and Code Mixing (Spring 2006 Issues in EFL).
- Lau, S. K., Ng, L. L., & Lee, H. L. (2011). *Malai xuesheng wu zhong Hanyu juxing yuxu pianwu fenxi ji yuxu jiaoxuefa*. Kertas kerja dibentangkan dalam Conference on Chinese Language Learning and Teaching in the Digital Age. Hong Kong: The Hong Kong Institute of Education.
- Leung, C. H. (2018). Code-mixing in print advertisement and its cultural implications in Hong Kong. *European Journal of Social Sciences*.
- Mohd Syuhaidi Abu Bakar & Nor Audra Dayana Dahlan. (2018). Percampuran kod bahasa di dalam filem: Satu kajian kualitatif terhadap filem J Revolusi. *e-Academia Journal*, 7 (2): 107-121.
- Muysken, P., & Muysken, P. C. (2000). *Bilingual speech: A typology of code-mixing*. Cambridge University Press.
- Noor Hashimah & Adriana Santa. (2016). Percampuran kod dalam penulisan karangan bahasa Melayu pelajar Cina: Analisis pragmatik. *Jurnal Bahasa*, 16 (1): 73-94.
- Saba Sadia. (2019). An Analysis of Code Mixing and Code Switching in Songs by Pakistani Music Artists. In *Journal of World Englishes and Educational Practices (JWEEP)*.
- Satae, Aesoh. (2018). *Code-mixing used by Thai students of University Muhammadiyah Malang to update status on twitter* (Doctoral dissertation, University of Muhammadiyah Malang).
- Siregar, M., Bahri, S., & Sanjaya, D. (2014). Code switching and code mixing in Indonesia: Study in sociolinguistics. *English Language and Literature Studies*, 4(1), 77-92.
- Smith, M. A., & Kollock, P. (Eds.). (1999). *Communities in cyberspace* (Vol. 1). London: Routledge.
- Sridhar, S.N. and Kamal K. Sridhar. (1980). The Syntax and Psycholinguistics of Bilingual CodeMixing. *Canada Journal of Psychology*. 34(4):407-416.
- Suwito. (1985). Alih Kode, campur kode, Interferensi.
- Syafrizal, S., & Sari, A. R. (2017). Code Mixing in Students' Twitter Status at Sultan Ageng Tirtayasa University in Banten, Indonesia. *European Journal of Foreign Language Teaching*.